



## MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17

MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
LORONG P. RAMLEE, OFF JALAN P. RAMLEE,  
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my  
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA

TEL : 082-507214 FAKS : 082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA

TEL : 082-507215 FAKS : 082-507241

TALIAN AM

TEL : 082-507251/507250 FAKS : 082-507254

Rujukan Kami: JAIS/100-4/2/1 (2)

Tarikh: 27 Februari 2023M

06 Syaaban 1444H

**Semua Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun/ Swasta**

**Semua Badan Bukan Kerajaan dan Persatuan**

**Semua Lembaga Amanah Khairat**

**Semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid/ Surau di Negeri Sarawak**

YBhg. Dato Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

### **PEKELILING PENTAUILAHAN MENGAJAR AGAMA ISLAM BIL1/2023: LARANGAN MENGAJAR/ BERCERAMAH TENTANG AGAMA ISLAM TANPA KEBENARAN**

Dengan segala hormatnya Majlis Islam Sarawak ingin menarik perhatian YBhg. Dato Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan mengenai pematuhan undang-undang seperti berikut:

i. **Seksyen 58(1)(d), Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.**

“Tiada orang boleh mengajar atau mengembangkan atau memperjelaskan kepada orang ramai apa-apa doktrin tentang Agama Islam di dalam Negeri tanpa kelulusan bertulis Majlis”.

ii. **Seksyen 11(1), Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak, 2001.**

“Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan oleh, atau dengan kebenaran bertulis Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

iii. **Seksyen 40, Penyubahan, Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak, 2001.**

“Seseorang menyubahati pelakuan sesuatu perkara jika dia-

- (a) menghasut mana-mana orang supaya melakukan perkara itu;
- (b) mengambil bahagian bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lain dalam apa-apa pakatan jahat untuk melakukan perkara itu, jika sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang berlaku ekoran daripada pakatan jahat itu, dan dengan tujuan hendak melakukan perkara itu; dan
- (c) dengan sengaja membantu, dengan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang perlakuan perkara itu.”

2. Sehubungan itu, permohonan kebenaran atau tauliah mengajar Agama Islam dan berceramah di negeri Sarawak hendaklah dikemukakan secara atas talian melalui portal **Khidmat Islam Sarawak ([kiswa.sarawak.gov.my](http://kiswa.sarawak.gov.my))** dengan mengisi Borang Permohonan Tauliah Mengajar/ Berceramah sekurang-kurangnya (30) tiga puluh hari sebelum tarikh program.
3. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan dalam perkara ini, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian.

**"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"**  
**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**

(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)

Setiausaha

Majlis Islam Sarawak